

Borneo Bulletin Sunday 19 March 2006

Harian Metro Isnin, 31 Oktober 2005 - Bisnes Metro

PRODUK BARU DILANCAR TAHUN DEPAN –NEURAL TINGKAT CIRI E-JARI

Oleh : Hayati Ibrahim

Syarikat pemasangan peralatan keselamatan, Neural Service Sdn Bhd (Neural) akan meningkatkan ciri-ciri keselamatan e-Jari yang dilancarkan pada 27 Mei 2003 supaya lebih cekap dan efektif.

Pengarah Urusan Neural, Aziz Ayob, berkata produk terbaru itu akan dilancarkan awal tahun depan memandangkan ketika ini syarikat sedang menyediakan produk prototaipnya.

“Kami akan mengambil masa selama 2 bulan untuk menguji sistem e-Jari supaya lebih sistematik dan menawarkan tahap keselamatan lebih berkesan.

“Kami akan mengambil masa selama 2 bulan untuk menguji sistem e-Jari supaya lebih sistematik dan menawarkan tahap keselamatan lebih berkesan.

“Teknologi terbaru itu akan memberikan isyarat kepada pemilik bangunan apabila sesuatu kejadian tidak diingini berlaku seperti pecah rumah atau pejabat hanya melalui telefon,”katanya ketika ditemui di Ibu Pejabatnya di Setapak, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menerusi sistem ini, pemilik bangunan masih boleh memantau keadaan rumah atau pejabat walaupun berada jauh dari situ.

Katanya, produk itu dibangunkan dengan kerjasama sekumpulan penyelidik dan pembangunan (R&D) syarikatnya.

Sistem e-Jari menyediakan satu tahap ketepatan pengenalan dan keselamatan berbanding kebanyakan penyelesaian biometric lain. Neural adalah pemegang lesen tunggal untuk mengkormesialkan sistem kawalan biometrik dari Sirim Berhad.

Ia bertanggungjawab mengilang, mengedar, menjual dan menyediakan perkhidmatan selepas jualan tiga versi produk berkenaan iaitu e-Jari Versi VL.0/IP sistem pengurusan masa bersepadu, e- Jari Versi VI.0 TCP /IP sistem kawalan akses pintu bersepadu dan e-Jari sistem kawalan akses sendiri.

Aziz berkata, pihaknya sedang mempromosikan produk berkenaan kepada badan kerajaan, syarikat swasta, kilang atau rumah malah,begitu juga giat memasuki pasaran luar negara seperti Indonesia.

Selain e-Jari, Neural juga baru melancarkan “Neural Entry Pad” April lalu yang direka khas untuk disesuaikan dengan penggunaan komputer riba, komputer peribadi (PC), alat pembantu peribadi digital (PDA), telefon bimbit dan aplikasi internet.

Ia membolehkan pengguna mendaftarkan masuk ke PC dan perkakasan teknologi maklumat (IT) menggunakan cap jari berbanding cara konvensional menerusi kata laluan..

Katanya, syarikat kini mampu menembusi pasaran global terutama negara Asia Tenggara, malah beberapa pengedar sudah dilantik untuk menguruskan pasaran di United Kingdom, Indonesia dan Thailand.

Produk itu dikeluarkan di kilangnya di Taman Perindustrian Subang, Shah Alam manakala perkhidmatan sokongan pelanggan dijalankan di tingkat empat bangunan ibu pejabatnya.